



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
**Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya**
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008

YB TIMBALAN MENTERI TINJAU BAZAR RAMADAN PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 17 APRIL 2022: Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, YB Datuk Seri Jalaluddin bin Alias melakukan tinjauan di Bazar Ramadan Putrajaya bertempat di Presint 3 Putrajaya.

Turut hadir bersama Naib Presiden Kanan Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg. Dato' Fadlun Mak Ujud dan Naib Presiden Perkhidmatan Bandar, YBrs Tuan Haji Nik Shukri Nik Soh.

Tinjauan YB Timbalan Menteri adalah untuk melihat keadaan operasi Bazar Ramadan Putrajaya setelah 15 hari dibuka kepada umum dan melihat sendiri proses penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh PPj dalam mengatasi isu beratur yang terlalu panjang pada hari pertama bazar dibuka di mana penggunaan pas masuk dimansuhkan oleh PPj sejak 6 April 2022. Pengunjung kini hanya perlu mengimbas MySejahtera dan memasuki kawasan bazar ramadan.

Di samping itu, YB Timbalan Menteri turut meneliti beberapa aspek pengoperasian bazar terutamanya aspek kebersihan bazar serta pengurusan sisa pepejal. PPj telah menyediakan sebanyak 80 tong 120 liter, 15 tong 660 liter, sebuah kompaktor, sebuah water jet, serta pekerja operasi yang secukupnya dalam menguruskan sisa pepejal dan pembersihan awam di Bazar Ramadan Putrajaya. Bagi memastikan sisa cecair tidak dibuang ke longkang dan terus ke tasik Putrajaya, PPj turut menyediakan tong hitam khas untuk peniaga membuang cecair seperti kuah, ais, air balang dan lain-lain dan akan disedut pada waktu malam. Manakala pembersihan atau *flushing* di tapak bazar turut dilaksanakan secara berkala dalam tiga kali seminggu.

PPj juga turut mengadakan program Jom Biodiesel dalam pengumpulan minyak masak terpakai daripada Bazar Ramadan Putrajaya dan Bazar Ramadan di Presint 14 bagi meningkatkan kesedaran kitar semula serta keburukan penggunaan minyak masak secara berulang-kali dalam penyediaan makanan dalam mengelakkan masalah kesihatan badan seperti kanser, penyakit jantung dan lain-lain.

Minyak masak terpakai yang dikumpul akan dihantar ke kilang untuk pemprosesan biodiesel. Tong minyak masak 25 liter turut disediakan kepada peniaga yang berminat serta menjalankan aktiviti memasak di gerai dan diberikan insentif sebanyak RM1.80/kg. Sehingga kini data kutipan minyak masak terpakai di kedua-dua bazar ramadan adalah sebanyak 46 kg dan akan meningkat pada minggu yang akan datang.

Aspek penjagaan dan kualiti makanan serta minuman yang dijual kepada pengunjung turut ditekankan di dalam sesi tinjauan YB Timbalan Menteri. PPj dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Putrajaya akan terus giat melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan kebersihan makanan dan gerai ke atas semua lot gerai Bazaar Ramadan Putrajaya. Ini termasuklah penekanan terhadap pematuhan kriteria keselamatan makanan di kawasan penyediaan dan penyajian makanan serta amalan pengendalian makanan yang sihat.

Pada masa yang sama, YB Timbalan Menteri juga turut beramah mesra mengedarkan 500 pek bubur lambuk serta kurma kepada pengunjung yang hadir serta peniaga di samping mendapatkan maklum balas penambahbaikan mutu perkhidmatan PPj sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan idea-idea baharu secara terus berhubung penambahbaikan terhadap pengurusan bazar ramadan di Putrajaya.

Bazar Ramadan Putrajaya merupakan komponen Ihya Ramadan Putrajaya 2022 memaparkan 160 gerai jualan lebih 1,000 jenis juadah berbuka puasa. Bazar Ramadan Putrajaya bermula dari 3.00 petang hingga 8.00 malam bertempat di lot berhampiran MTMZA. Lokasinya berhadapan dengan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin memberi lebih keselesaan kepada pengunjung dengan kemudahan solat yang selesa, tempat letak kenderaan yang bersesuaian. Sehingga kini bazar ramadan Putrajaya telah menerima lebih 98 ribu pengunjung.

TPr. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK

Pengarah

Komunikasi Korporat

Perbadanan Putrajaya

Tarikh 17 April 2022

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohamad Rohaizat bin Kasman di talian 017-3132590 dan Encik Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 019-3354346.